

**TEKS UCAPAN  
Y.A.B. DATUK SERI IR. HAJI IDRIS BIN HJ HARON  
KETUA MENTERI MELAKA  
MAJLIS PERASMIAN  
PELANCARAN MELAKA TANPA BEG PLASTIK DAN POLISTERIN  
TARIKH: 7 JANUARI 2016 ( KHAMIS ), 1300 PETANG  
DI MAHKOTA PARADE MELAKA**

***DIWAKILI: YB DATUK WIRA HJ MD YUNOS BIN HUSIN,  
EXCO PELAJARAN, PENGAJIAN TINGGI, SAINS & TEKNOLOGI,  
TEKNOLOGI HIJAU & INOVASI.***

---

( 2 )

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

**TERIMA KASIH SAUDARA PENERUS MAJLIS.**

**YB. TUAN HJ. MD RAWI BIN MAHMUD  
TIMBALAN EXCO PELAJARAN, PENGAJIAN TINGGI, SAINS DAN  
TEKNOLOGI, TEKNOLOGI HIJAU DAN INOVASI**

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI KAMARUDIN BIN MD SHAH  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN TEKNOLOGI HIJAU MELAKA**

**TUAN MOHD FAISAL RAHMAN,  
PENGARAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KEPENGGUNAAN NEGERI MELAKA**

**TUAN BADRUL HISHAM BADRUDIN  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN BIOTEKNOLOGI MELAKA**

( 3 )

**WAKIL-WAKIL JABATAN  
WAKIL-WAKIL PASARAYA, PENGUSAHA, WAKIL-WAKIL  
PERSATUAN PENGGUNA**

**TUAN-TUAN, PUAN-PUAN YANG SAYA KASIHI SEKALIAN,**

**SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA;  
SALAM MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG,  
NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU  
MELAKA 754 TAHUN DAN MELAKA MAJU FASA 2;**

**1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH  
SWT KERANA DENGAN IZIN-NYA, KITA DAPAT SAMA-SAMA  
BERKUMPUL PADA PAGI INI SEMPENA PELANCARAN MELAKA  
SETIAP HARI TANPA BEG PLASTIK DAN POLISTERIN.**

( 4 )

2. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG HADIR BAGI MENJAYAKAN MAJLIS PELANCARAN KITA INI.

3. KEHADIRAN KITA MEMBUKTIKAN KEPRIHATINAN SERTA KOMITMEN PADU UNTUK BERSAMA-SAMA MENYEMARAK, MENYAYANGI, MELINDUNGI, MEMELIHARA SERTA MEMULIHARA ALAM SEKITAR YANG DIPINJAMKAN KEPADA KITA SEMUA UNTUK GENERASI AKAN DATANG.

4. TAHNIAH DAN SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI MELAKA, PERBADANAN TEKNOOGI HIJAU MELAKA, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,

( 5 )

**KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK) NEGERI MELAKA  
DAN PERBADANAN BIOTEKNOLOGI MELAKA DAN SELAKU  
PENGANJUR UTAMA PROGRAM INI.**

**5. BEGITU JUGA KEPADA HEKTAR GROUP SDN BHD YANG  
SUDI MENAWARKAN LOKASI MAHKOTA PARADE MELAKA BAGI  
MAJLIS PELANCARAN KITA.**

**6. TIDAK LUPA JUGA KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN  
PARA HADIRIN YANG TURUT SAMA MENJAYAKAN PROGRAM  
KITA.**

**HADIRIN SEKALIAN,**

7. MELAKA TELAH MENJADI NEGERI PERTAMA DI MALAYSIA YANG MEMBERI FOKUS UTAMA KEPADA ASPEK PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU DI NEGARA INI. PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI ADALAH SEJAJAR DENGAN KOMITMEN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH YAB DATUK SERI UTAMA MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI MALAYSIA BAGI MENGURANGKAN INTENSITI PELEPASAN KARBON KEPADA KADAR 40 PERATUS KDNK PERKAPITA MENJELANG TAHUN 2020 SEMASA DI PERSIDANGAN CONFERENCE OF PARTIES (COP) 15 DI COPENHAGEN, DENMARK PADA TAHUN 2009.

8. BAGI MERIALISASI HASRAT INI, KERAJAAN NEGERI TELAH MEMULAKAN LANGKAH MEMPERKASAKAN *GREEN GOVERNANCE* – TADBIR URUS HIJAU NEGERI. KITA BERMULA

( 7 )

**DENGAN MEWUJUDKAN MAJLIS TEKNOLOGI HIJAU MELAKA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH YAB KETUA MENTERI MELAKA SEJAK 25 MEI 2011 DAN MEWUJUDKAN PERBADANAN TEKNOLOGI HIJAU MELAKA PADA 2013.**

**9. SAYA MELIHAT PELBAGAI INISIATIF HIJAU TELAH DILAKSANAKAN DI MELAKA. ANTARANYA SEPERTI;**

- PENGHASILAN BLUEPRINT MELAKA NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU;**
- IMT-GT GREEN CITY INITIATIVES;**
- PELAKSANAAN PROGRAM NATIONAL SMART COMMUNITIES BERSAMA MALAYSIA INDUSTRY-GOVERNMENT FOR HIGH TECHNOLOGY (MIGHT);**

- PROGRAM LOW CARBON CITY FRAMEWORK BERSAMA KETTHA;
- PROJEK BANDAR HIJAU HANG TUAH JAYA;
- PROJEK MELAKA WORLD SOLAR VALLEY;
- PROGRAM KECEKAPAN TENAGA UNTUK BANGUNAN;
- PELAKSANAAN RATING BANGUNAN HIJAU – MATERAI HIJAU MELAKA;
- PEMASANGAN SOLAR PANEL DAN PROJEK 2 LADANG SOLAR BERKAPASITI 5 DAN 8 MEGAWATT DI MELAKA;
- PROJEK BAS ELEKTRIK DAN KENDERAAN ELEKTRIK;
- INVENTORI KARBON NEGERI MELAKA;
- KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM (KTP) TEKNOLOGI HIJAU;



( 9 )

- HARI TANPA BEG PLASTIK DAN POLISTERIN ;
- DAN BANYAK LAGI.

**HADIRIN HADIRAT YANG SAYA HORMATI;**

**10. JIKA KITA MAKLUM, BEG PLASTIK MENGAMBIL MASA DI ANTARA 400 KE 1000 TAHUN UNTUK TERURAI. APABILA PLASTIK (SEPERTI POLYETHYLENE) TERURAI, BAHAN TOKSIK BOLEH MERESAP KE DALAM TANAH DAN MENYEBABKAN PENCEMARAN SUMBER AIR MINUMAN.**

**11. MANAKALA PRODUK PLASTIK OXO-DEGRADABLE PULA ADALAH BEG PLASTIK YANG TELAH DICAMPUR DENGAN BAHAN MINERAL YANG TIDAK AKAN TERURAI SECARA SEMULA JADI.**

**APA YANG TERJADI, DALAM JANGKAMASA TERTENTU IA AKAN BERDERAI MENJADI PARTIKEL PLASTIK YANG HALUS DAN MERBAHAYA KEPADA MANUSIA YANG MASUK MELALUI SISTEM PERNAFASAN.**

**12. SELAIN ITU, PENGGUNAAN BEKAS POLISTEREN KHUSUSNYA APABILA DIISI DENGAN MAKANAN ATAU MINUMAN YANG PANAS BOLEH MENYEBABKAN PENGHASILAN DIOKSIN YANG TIDAK BERWARNA YANG BOLEH BERCAMPUR DENGAN MAKANAN.**

**13. DIOKSIN INI MERUPAKAN PUNCA UTAMA KEPADA PENYAKIT KANSER DAN BOLEH MENYEBABKAN MASALAH KESUBURAN SAMA ADA KEPADA LELAKI MAHUPUN WANITA.**

14. BERDASARKAN KAJIAN, JUMLAH JANAAN SISA PEPEJAL DALAM NEGARA YANG BERAKHIR DI TAPAK PELUPUSAN TELAH MENINGKAT KEPADA 33,000 TAN METRIK PADA TAHUN 2013 DARIPADA 19,000 TAN METRIK PADA 2005.

15. DI MELAKA, KITA MENGHASILKAN KIRA-KIRA 900 KE 1,200 TAN SISA BUANGAN SEHARI DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH SUNGAI UDANG ATAU SECARA PURATANYA LEBIH KURANG 1 KE 2 KILOGRAM SISA BUANGAN DIHASILKAN SETIAP SEORANG PENDUDUK MELAKA SETIAP HARI.

16. JANGKA HAYAT PUSAT PELUPUSAN INI DIJANGKA TIDAK MELEBIHI 5 TAHUN. INI MENYEBABKAN KITA TERPAKSA

**MEMBINA PUSAT PELUPUSAN SAMPAH YANG BAHARU JIKA MASALAH SAMPAH TIDAK DIBENDUNG.**

**17. SELAIN ITU, BEG PLASTIK DAN BEKAS MAKANAN POLISTERIN YANG DIBUANG MERATA-RATA AKAN MEMASUKI LONGKANG DAN SISTEM PERPARITAN YANG MENYEBABKAN TERSUMBAT DAN MENGHASILKAN BAU YANG BUSUK. IA JUGA MENJADI PUNCA KEJADIAN BANJIR KILAT.**

**18. BEG PLASTIK DAN BEKAS POLISTERIN INI AKAN HANYUT KELAUT MENYEBABKAN SISA-SISA INI TERDAMPAR DILAUTAN YANG MENYEBABKAN HAIWAN MENJANGKA IA SEBAGAI MAKANAN.**

**HADIRIN SEKALIAN,**

**19. SEBAGAI ALTERNATIF; KERAJAAN NEGERI MENGGALAKKAN PENGGUNAAN SECARA MELUAS PRODUK BIODEGRADASI UNTUK MENGGANTIKAN BEG PLASTIK DAN POLISTERIN. PRODUK BIODEGRADASI MERUPAKAN PRODUK MUDAH KOMPOS DAN MESRA ALAM. IA BERUPAYA TERURAI SEMULA JADI DALAM JANGKA MASA 10 KE 12 MINGGU.**

**20. PRODUK INI JUGA MENGGUNAKAN SUMBER DARI BAHAN YANG BOLEH DIPERBAHARUI SEPERTI SUMBER DARI TUMBUHAN SEPERTI JAGUNG, UBI KAYU, TEBU, KELAPA SAWIT DAN SEBAGAINYA.**

**21. PENGGUNAAN PRODUK BIODEGRADASI BOLEH MENGURANGKAN JUMLAH SISA PELUPUSAN SAMPAH DAN MENJIMATKAN KAWASAN TAPAK PELUPUSAN.**

**22. PELBAGAI USAHA TELAH DILAKSANA UNTUK MENYEDARKAN MASYARAKAT MENGENAI KEPENTINGAN AMALAN PENGASINGAN SISA DAN KITAR SEMULA. NAMUN, PENGASINGAN SISA DAN KITAR SEMULA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MASIH RENDAH. KADAR KITAR SEMULA NASIONAL IALAH 10.5% BERBANDING NEGARA-NEGARA MAJU YANG TELAH MELEBIHI 40%.**

**HADIRIN SEKALIAN,**

**23. SEJAK 2011; KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK) TELAH MELANCARKAN HARI TANPA BEG PLASTIK SETIAP SABTU DI MANA BEG PLASTIK TIDAK LAGI DIBEKALKAN SECARA PERCUMA KEPADA PENGGUNA DI SEMUA PASAR RAYA BESAR, PASAR RAYA, KEDAI SERBANEKA DAN PREMIS PERNIAGAAN TERPILIH DI SELURUH NEGARA BAGI MENYOKONG KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK.**

**24. SETELAH 4 TAHUN PROGRAM INI DILAKSANAKAN, KERAJAAN NEGERI MENGORAK LANGKAH MELULUSKAN CADANGAN MENAMBAH HARI TANPA BEG PLASTIK DARIPADA SATU HARI SETIAP SABTU SEDIA ADA KEPADA 2 HARI IAITU PADA SETIAP JUMAAT DAN SABTU MULAI 1 APRIL 2014.**

**SEBAGAI ALTERNATIF, PASAR RAYA DIGALAK MEMBEKALKAN PEMBUNGKUS DARIPADA BAHAN BIODEGRADASI SEPERTI BEG KERTAS, KOTAK, BEG BIODEGRADASI ATAU SEBAGAINYA.**

**25. SETERUSNYA KERAJAAN NEGERI TELAH MENAMBAH SATU LAGI HARI TANPA BEG PLASTIK DARI 2 HARI KE 3 HARI IAITU PADA HARI JUMAAT, SABTU DAN AHAD MULAI 1 JANUARI 2015.**

**26. KERAJAAN NEGERI JUGA TELAH MENETAPKAN MULAI 1 SEPTEMBER 2015 SELURUH PASAR RAYA TIDAK DIBENARKAN MEMBUAT KUTIPAN RM0.20 SEN DARIPADA PARA PELANGGAN DAN MELARANG MEMBEKALKAN BEG PLASTIK PADA HARI TANPA BEG PLASTIK.**



27. ARAHAN INI TERPAKSA DILAKSANA KERANA PIHAK PASAR RAYA GAGAL MEMBEKALKAN BEG BIODEGRADASI ATAU BEG KERTAS SEBAGAI PEMBUNGKUS ALTERNATIF KEPADA PARA PELANGGAN WALAUPUN CAJ SEBANYAK 0.20 SEN TELAH DIKENAKAN.

28. ALHAMDULILLAH; KITA TELAH MENGORAK SELANGKAH LAGI DENGAN MELAKSANA SEPENUHNYA KEMPEN TANPA BEG PLASTIK SETIAP HARI MULAI JANUARI 2016.

29. APA YANG KERAJAAN INGIN LIHAT ADALAH PARA PENGGUNA MEMBAWA BEG SENDIRI DARI RUMAH APABILA KELUAR MEMBELI-BELAH. MANAKALA PARA PENJUAL DAN PENIAGA ADALAH DIMINTA MENYEDIAKAN PEMBUNGKUSAN

**ALTERNATIF DARI BAHAN YANG MUDAH TERURAI SEPERTI BEG KERTAS, KOTAK, BEG BIODEGRADASI DAN SEBAGAINYA.**

**HADIRIN SEKALIAN**

**30. KITA DAPATI PROGRAM LARANGAN PENGGUNAAN POLISTEREN BAGI MEMBUNGKUS MAKANAN TELAH DILAKSANA HAMPIR SEMUA JABATAN KERAJAAN DI MELAKA. OLEH YANG DEMIKIAN KERAJAAN NEGERI BERHASRAT UNTUK MELUASKAN INISIATIF INI KE SELURUH NEGERI MELAKA.**

**31. PADA 25 MAC 2015 KERAJAAN NEGERI TELAH MEMUTUSKAN PELAKSANAAN PROGRAM LARANGAN**

**PENGGUNAAN POLISTERIN BAGI NEGERI MELAKA  
DIKUATKUASAKAN MULAI 1 SEPTEMBER 2015.**

**32. ARAHAN MEMBERHENTIKAN PENGGUNAAN BEKAS  
POLISTERIN TELAH DIKELUARKAN DI SEMUA KAFE JABATAN  
KERAJAAN DI NEGERI MELAKA. KITA JUGA MENGGALAKKAN  
KAKITANGAN KERAJAAN MEMBAWA BEKAS MAKANAN SENDIRI  
DARI RUMAH.**

**33. KERAJAAN NEGERI JUGA TELAH MEWUJUDKAN SATU  
JAWATANKUASA YANG AKAN MENKAJI BENTUK  
PERUNDANGAN YANG BOLEH DICADANGKAN ATAU  
MEWUJUDKAN UNDANG-UDANG BAGI MENGUATKUASA  
ARAHAN INI.**

34. BUAT MASA INI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN UNIT KERAJAAN TEMPATAN (UKT) TELAH DIMINTA MELAKSANA PENGUATKUASAAN DAN MENAMBAH SYARAT PELAKSANAAN LARANGAN PENGGUNAAN POLISTERIN DI DALAM SYARAT LESEN DAN MENCADANGKAN MENGENAKAN DENDA BAGI PREMIS YANG GAGAL MEMATUHI ARAHAN INI.

35. PIHAK PERBADANAN TEKNOLOGI HIJAU MELAKA DAN PERBADANAN BIOTEKNOLOGI MELAKA MEMPERKENALKAN PRODUK MESRA ALAM YANG LEBIH SELAMAT BERBANDING POLISTERIN SEPERTI PRODUK BIODIGRABLE YANG DIPERBUAT DARIPADA HAMPAS TEBU, JAGUNG DAN KERTAS KEPADA PENGGUNA DAN PASAR RAYA MELALUI TAKLIMAT KESEDARAN DAN PAMERAN.

**36. PIHAK PERBADANAN BIOTEKNOLOGI MELAKA TELAH DIARAHKAN MENYELARAS PENGEDARAN PRODUK BIODEGRASI UNTUK MEMUDAHKAN ORANG RAMAI, PARA PENIAGA DAN JABATAN KERAJAAN MENDAPATKAN STOK DAN MENJALANKAN PROMOSI KESEDARAN MENGENAI PENGGUNAAN PRODUK BIODEGRASI KEPADA MASYARAKAT.**

**HADIRIN SEKALIAN;**

**37. KERAJAAN JUGA HENDAK MEMASTIKAN TIADA PIHAK YANG AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN DENGAN MENGAUT KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011 KETIKA PELAKSANAAN PROGRAM TERSEBUT DIJALANKAN.**

**38. DAN YANG PASTINYA UNTUK MEMASTIKAN PIHAK INDUSTRI, PASAR RAYA, PEMBEKAL DAN PENGGUNA MENDAPAT FAEDAH YANG SEWAJARNYA TANPA ADA PIHAK YANG MERASA TERBEBAN DARI SEGI KOS PENGGUNAAN APABILA PELAKSANAAN PROGRAM HARI TANPA BEG PLASTIK DAN MELAKA TANPA POLISTERIN DIKUATKUASAKAN.**

**39. SAYA YAKIN DENGAN KEMPEN DAN PELBAGAI PROGRAM YANG DIADAKAN INI DAPAT MEMBERI MANFAAT KEPADA ORANG RAMAI BAGI MEMBERIKAN KESEDARAN KEPADA MEMBUDAYAKAN AMALAN HIJAU.**

***IKAN GELAMA IKAN KURAU,  
ASAM PEDAS PEMBUKA SELERA;  
MELAKA BANDAR TEKNOLOGI HIJAU,  
PEMACU EKONOMI BAHARU NEGARA,***

***KALAU TUAN HENDAK KE PEKAN,  
JANGAN LUPA BELIKAN LADA;  
AMALAN HIJAU KITA BUDAYAKAN,  
UNTUK WARISAN GENERASI KITA.***

**40. SEKALI LAGI SAYA UCAPKAN TAHNIAH PERBADNAN  
TEKNOLOGI HIJAU MELAKA, KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK)  
NEGERI MELAKA DAN PERBADANAN BIOTEKNOLOGI MELAKA**

**KERANA BERJAYA MENGANJURKAN PROGRAM KITA PADA HARI  
INI.**

**41. MAKA, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,  
SAYA MEWAKILI YAB KETUA MENTERI MELAKA DENGAN  
SUKACITANYA MERASMIKAN PELANCARAN MELAKA SETIAP  
HARI TANPA BEG PLASTIK DAN POLISTERIN MULAI 1 JANUARI  
2016.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**WABILLAHITAUFIK      WALHIDAYAH      WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH.**



( 25 )

**-TAMAT-**